

PEMASARAN MAKANAN HALAL



TREND peningkatan dalam pasaran makanan halal telah mendorong bukan hanya pemerintah negara Islam, bahkan negara bukan Islam juga untuk melakukan pelbagai inisiatif dari sudut pemasaran dan pendidikan pelanggan mengenai halal. Hal yang sedemikian ini juga telah mendorong pertumbuhan syarikat atau agensi pensijilan halal.

Perkembangan pesat industri halal Malaysia yang telah berjaya menembusi pasaran global, terutamanya dalam sektor makanan halal telah melonjakkan nama Malaysia menjadikannya antara negara yang dihormati dan dipandang tinggi. Malaysia juga mempunyai kelebihan dari sudut prosedur pensijilan halal serta standard halal yang diba-

gunakan kerana melakukan prosedur pemeriksaan dan penilaian yang ketat oleh Bahagian Hab Halal, JAKIM. Malah standard halal Malaysia telah diterima diperingkat global dan mendapat kepercayaan daripada negara-negara Islam yang diiktiraf dunia.

Peningkatan kesedaran tentang pengeluaran dan pemasaran makanan halal yang mampu menganjak ekonomi negara berdasarkan permintaan dalam kalangan pengguna daripada bukan sahaja negara-negara Islam, malah negara-negara bukan Islam yang jumlah penduduk Islamnya kian berkembang. Lantaran tidak hairanlah jika isu halal mendapat perhatian serius dalam kalangan pengeluar sama ada makanan atau keperluan lain.

Selaras dengan isu yang berkenaan, untuk siri kali ini, diketengahkan buku yang berjudul Halal Food in the Global Retail Industry yang ditulis oleh Raja Nerina Raja Yusof, Pensyarah Kanan di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia. Buku setebal 84 hala-

man ini diterbitkan oleh Universiti Putra Malaysia Press pada tahun 2013. Buku ini mengandungi 7 bab yang menyentuh antara lain tentang budaya, agama dan serta nilai kompetitif tambahan dengan mengambil kira sisi pandangan tuntutan amalan urus niaga masyarakat Islam secara global.

Selain itu, turut disentuh tentang konsep halal dan haram dalam Islam, industri halal di Malaysia, iklim pemasaran barangan halal pada peringkat global serta masa hadapan industri halal.

Isu kehalalan sesuatu produk sememangnya menjadi kriteria utama bagi pelanggan, khususnya dalam kalangan masyarakat Islam seluruh dunia dan hal sedemikian ini telah menarik perhatian, bukan sahaja dalam kalangan negara-negara Islam, akan tetapi negara seluruh dunia yang melihat potensi perkembangannya yang amat memberangsangkan.

Budayakan amalan membaca. Membaca santapan minda.



HALAL FOODS in the **Global** Retail Industry

RAJA NERINA RAJA YUSOF